



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERKESO



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



PERKESO

www.perkeso.gov.my
1-300-22-8000



PERKESO Official



@perkeso official



@PERKESOofficial



PERKESO

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)



Perlindungan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah

Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang diperkenalkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 bertujuan memberi perlindungan kepada suri rumah yang mengalami kemalangan, penyakit atau apa-apa insiden semasa melakukan urusan berkaitan rumah tangga sehingga menyebabkan hilang upaya kekal atau keilangan yang menjejaskan keupayaan suri rumah untuk menguruskan rumah tangganya.

Bencana domestik boleh berlaku di dalam atau di luar rumah yang menyebabkan kecederaan diri kepada seseorang suri rumah akibat daripada dan semasa menguruskan rumah tangganya.

SKSSR juga melindungi suri rumah yang ditimpa penyakit atau keuzuran, di mana penyakit atau keuzuran tersebut diperakukan keilatan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan.

Penyertaan adalah secara sukarela bagi mendapatkan perlindungan skim ini.

Takrifan Suri Rumah

Seorang perempuan sama ada berkahwin atau belum, yang menguruskan rumah tangga secara sepenuh masa atau tidak; termasuk seorang isteri, janda atau balu yang perkahwinannya berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau seorang ibu yang mempunyai seorang anak atau lebih termasuk ibu tunggal.

Cara Pendaftaran & Pembayaran Caruman

Pendaftaran dan Pembayaran SKSSR boleh dibuat di mana-mana pejabat PERKESO atau menerusi Portal Suri Rumah PERKESO suri.perkeso.gov.my atau layari laman web rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my

Imbas kod QR untuk pendaftaran SKSSR



Syarat Kelayakan

1. Suri rumah warganegara Malaysia/pemastautin tetap yang belum mencapai umur 55 tahun
2. Bagi penyertaan kali pertama, umur suri rumah hendaklah tidak melebihi 54 tahun
3. Membayar caruman bagi tempoh 12 bulan yang dibayar terlebih dahulu (*in advance*)

Caruman

1. **Caruman sebanyak RM120** yang perlu dibayar terlebih dahulu (*in advance*) **bagi tempoh 12 bulan** berturut-turut.
2. Caruman boleh dibuat oleh suami, suri rumah, keluarga atau mana-mana pihak ketiga bagi suri rumah tersebut.
3. Sekiranya seorang suami memilih untuk membuat caruman untuk isterinya, prinsip '*once in, always in*' akan terpakai bagi memastikan suri rumah mendapat perlindungan yang berterusan.
4. Jika suami tidak berupaya untuk meneruskan caruman disebabkan hilang pendapatan dan sebagainya, PERKESO perlu dimaklumkan dalam tempoh 60 hari sebelum tamat tempoh caruman sedia ada.

Cara Tuntutan Faedah SKSSR

Cara tuntutan faedah SKSSR boleh dibuat di mana-mana kaunter pejabat PERKESO dengan melengkapkan Borang Tuntutan Faedah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah - **Borang SR 6**

Perlindungan Bencana Domestik Faedah :

1. Faedah Perubatan
2. Faedah Hilang Upaya Kekal
3. Elaun Layanan Sentiasa
4. Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis
5. Faedah Pengurusan Mayat
6. Pencen Penakat

Faedah Perubatan

Suri rumah yang ditimpa bencana domestik boleh mendapatkan rawatan perubatan (**tertakluk kepada Akta Fi 1951**) dan **layanan pesakit luar di hospital, dispensari, klinik atau institusi lain. Kemasukan ke wad dengan kelayakan wad kelas kedua Hospital Kerajaan.**

Faedah Hilang Upaya Kekal

Apa-apa hilang upaya kekal yang disebabkan oleh bencana domestik, yang mengurangkan keupayaan suri rumah berinsurans untuk menguruskan rumah tangga dan ditaksiran oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan. **Bayaran pukul sehingga RM30,000 bagi satu tempoh caruman mengikut jenis kecederaan.**

Elaun Layanan Sentiasa

Bayaran sebanyak RM250 sebulan kepada suri rumah yang berhak kepada faedah hilang upaya kekal atau elaun keuzuran jika dan selagi suri rumah tidak upaya secara teruknya hingga sentiasa memerlukan layanan peribadi orang lain. Faedah ini akan terhenti apabila suri rumah mencapai umur 55 tahun atau meninggal dunia.

Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis

Pembiayaan sehingga RM50,000 dalam satu tempoh caruman jika suri rumah diperakukan menghidap keilangan atau hilang upaya kekal oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan dan disyorkan memerlukan kemudahan pemulihan jasmani seperti kaki palsu, kerusi roda, tongkat dan lain-lain. Rawatan bagi dialisis ialah sebanyak RM 200 setiap bulan atau menurut Akta Fi 1951.

Perlindungan Keilangan Faedah :

1. Elaun Keuzuran
2. Elaun Layanan Sentiasa
3. Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis
4. Faedah Pengurusan Mayat
5. Pencen Penakat

Elaun Keuzuran

Bayaran secara bulanan sebanyak RM300 jika suri rumah berinsurans disahkan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan menghidap keilangan akibat sesuatu keuzuran yang berkekalan sehingga tidak lagi berupaya melaksanakan sebahagian besar aktiviti menguruskan rumah tangganya. Faedah ini akan terhenti apabila suri rumah mencapai umur 55 tahun atau meninggal dunia.

Faedah Pengurusan Mayat

Jika suri rumah berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai usia 55 tahun akibat bencana domestik atau sedang menerima elaun keuzuran atau mati atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan, **bayaran faedah pengurusan mayat sebanyak RM2,000 sekali sahaja** akan dibayar kepada orang tanggungan yang layak atau pihak yang menanggung perbelanjaan pengebumian.

Pencen Penakat

Jika suri rumah berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai usia 55 tahun akibat bencana domestik atau sedang menerima elaun keuzuran atau mati atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan, Pencen Penakat **dibayar sebanyak RM300 sebulan kepada orang tanggungan** yang layak mengikut syer yang ditetapkan. Pencen Penakat dibayar kepada duda, anak. Jika suri rumah berinsurans tidak meninggalkan duda, anak, bayaran Pencen Penakat dibayar kepada Ibu bapa suri rumah berinsurans.

Syer anak dibayar sehingga anak berumur 21 tahun atau berkahwin atau jika masih belajar sehingga tamat pengajian ijazah pertama. Jika ada anak yang terencat mental, kurang upaya fizikal yang menyebabkan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, syer anak tersebut dibayar sehingga berumur 55 tahun.

Pencen Penakat dibayar hanya kepada duda atau ibu bapa warganegara Malaysia sehingga mencapai umur 55 tahun sahaja. Bayaran Pencen Penakat kepada duda juga akan terhenti jika duda berkahwin semula.